

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah JKM berhasrat untuk menanggungkan sistem kajian semula bantuan kewangan ekoran daripada ramai penerima bantuan yang tidak menerima borang JKM20 yang mengakibatkan bantuan mereka dihentikan. Berapakah jumlah pemohon yang disambung dan dihentikan bantuan kerana perkara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, pesakit kronik terlantar, warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana, tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Mulai bulan Mac 2013, JKM telah memperkenalkan Borang Permohonan Kajian Semula Bantuan Kewangan (Borang JKM20). Borang ini digunakan bagi tujuan melanjutkan proses pemberian bantuan kewangan kebajikan kepada seseorang individu. Langkah ini bertujuan untuk menilai tahap perkembangan sosioekonomi penerima bantuan agar mereka yang benar-benar layak dan yang berada di bawah kriteria kelayakan yang ditetapkan sahaja dilanjutkan pemberian bantuan. Kajian semula juga digunakan untuk mengkaji semula skim bantuan yang bersesuaian dengan keadaan semasa penerima.

Borang baru ini membolehkan pemohon sendiri melengkapkan maklumat-maklumat asas berhubung biodata, keluarga, tahap kesihatan dan ketidakupayaan, pekerjaan, pemilikan harta dan pendapatan isi rumah. Langkah ini dapat mengurangkan tempoh waktu pegawai JKM menemu bual pemohon, sekaligus mempercepatkan proses siasatan.

Sehubungan ini, dalam tempoh bulan Januari hingga April 2015, bilangan penerima bantuan kebajikan yang telah diuruskan bagi tujuan kajian semula bantuan JKM adalah seramai 199,621 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 109,922 orang telah dilanjutkan tempoh bantuan, manakala seramai 21,510 orang telah ditamatkan bukan disebabkan tidak mengisi borang kajian semula tetapi adalah kerana sebab-sebab seperti berikut:

- i. pendapatan isi rumah telah melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa;
- ii. penerima kini tinggal bersama anak yang mampu menanggung perbelanjaan keluarga;
- iii. bagi skim Bantuan Kanak-Kanak, anak terbabit telah melepasi

umur 18 tahun; atau

iv. penerima telah meninggal dunia.

Secara amnya, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara. Bantuan ini merupakan satu bentuk saraan hidup bagi membantu kumpulan sasar yang memerlukan meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.